

# KENYATAAN PRIVASI

MISC Maritime Services Sdn Bhd (“MMS”) dan kumpulan syarikatnya (“MMS” atau “Kami”) adalah komited dalam melindungi dan menghormati privasi anda.

Pernyataan Privasi ini (“Pernyataan Privasi”) memberi maklumat mengenai pemrosesan data peribadi anda yang kami kumpulkan melalui laman web kami yang dari mana anda mengakses Pernyataan Privasi ini (“Laman Web”), melalui aplikasi perisian yang disediakan oleh kami untuk digunakan pada atau melalui komputer dan peranti mudah alih (“Aplikasi”), melalui halaman media sosial seperti LinkedIn, Twitter, Facebook dan lain-lain (“Laman Media Sosial”) serta melalui mesej e-mel yang kami hantar kepada anda yang menghubungkan ke Pernyataan Privasi ini.

Pernyataan Privasi ini menerangkan data peribadi apa yang kami kumpulkan tentang orang yang melawat, mengakses dan/atau menggunakan Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami, bila dan mengapa kami mengumpulkannya, bagaimana kami menggunakannya, syarat-syarat yang kami mungkin dedahkan ia kepada pihak lain, dan bagaimana kami memastikan ia selamat. Sila baca Pernyataan Privasi ini dengan teliti untuk memahami pandangan dan amalan kami berhubung dengan data peribadi anda dan cara kami akan menggunakannya.

## SIAPAKAH KAMI

MMS adalah anak syarikat milik penuh MISC Berhad. Kami merupakan pusat perkhidmatan maritim dalam penyediaan jaminan dan kepatuhan laut, pengurusan dan operasi pelabuhan dan terminal, perundingan dan perkhidmatan dengan nombor pendaftaran syarikat 199201010371 (241874-V). Alamat kami adalah di Tingkat 16, Menara Dayabumi, Jalan Sultan Hishamuddin, 50050 Kuala Lumpur, Malaysia.

## PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN MAKLUMAT

Kami boleh mengumpul maklumat mengenai anda apabila anda berinteraksi dengan Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami secara aktif, contohnya apabila anda menghubungi kami untuk maklumat lanjut, mendaftarkan diri untuk menerima notifikasi pekerjaan, atau mengambil bahagian dalam mana-mana inisiatif digital ataupun atas talian kami.

Kami juga boleh mengumpul data peribadi anda yang telah diberikan oleh anda secara sukarela melalui Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami seperti nama anda, maklumat hubungan anda seperti alamat, alamat emel, nombor telefon, maklumat yang dikumpulkan daripada anda secara automatik seperti maklumat log masuk akaun, jenis pelayar web, sistem operasi dan maklumat URL, dan maklumat lain bergantung kepada tujuan anda melayari Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami.

Kami juga boleh menggunakan data peribadi yang dikumpulkan daripada anda:

- berkenaan maklumat peribadi dan maklumat hubungan yang telah anda berikan, untuk mengenal pasti anda dan memperibadikan komunikasi kami dengan anda;
- berkenaan maklumat yang dikumpulkan daripada anda secara automatik, untuk memastikan kandungan disampaikan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan juga komputer anda, untuk membenarkan anda mengambil bahagian dalam ciri-ciri interaktif Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami, apabila anda memilih untuk melakukannya, serta menjadi sebahagian daripada usaha kami untuk memastikan Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami selamat dan terjamin;
- untuk memperoleh maklumat mengenai pilihan anda, pergerakan atas talian dan penggunaan Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami;

- untuk menjalankan penyelidikan dan analisis statistik bagi memperbaiki kandungan, produk dan perkhidmatan kami, serta membantu kami memahami keperluan dan minat anda;
- untuk menumpukan kempen-kempen pemasaran dan pengiklanan kami secara lebih berkesan dengan menyebarkan iklan yang sesuai dengan minat anda, dan untuk menjadikan pengalaman atas talian anda lebih cekap dan seronok;
- bergantung kepada tahap persetujuan anda, untuk memproses, memudahkan, mentadbir dan membekalkan anda dengan produk dan perkhidmatan kami, untuk menjalankan dan mengekalkan hubungan, urusan niaga dan transaksi komersial anda dengan kami, untuk menghantar bahan-bahan promosi mengenai produk dan perkhidmatan kami, ataupun mempromosikan produk dan perkhidmatan rakan-rakan perniagaan dan pihak ketiga lain yang kami berpendapat mungkin akan menarik minat anda;
- untuk menilai permohonan anda sebelum membuat kontrak pekerjaan dengan kami dan menurut undang-undang yang tertakluk kepada kami;
- dalam keadaan dan situasi yang lain, jika data tersebut adalah perlu ataupun berkaitan secara langsung dengan hubungan anda dengan kami, ataupun di mana ia dibenarkan di sisi undang-undang.

Apabila kami mengumpul data peribadi daripada anda melalui Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami, kami hanya akan berbuat sedemikian sekiranya perlu untuk memenuhi salah satu daripada tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

### **Memproses data peribadi anda, dan mendapatkan persetujuan anda**

Di mana kami bergantung kepada persetujuan anda untuk memproses data peribadi anda, anda boleh menarik balik persetujuan anda untuk pemprosesan sebelum ini pada bila-bila masa, dengan menghubungi kami atau dengan menggunakan butiran hubungan di bawah. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan anda tidak akan menjejaskan kesahihan pemprosesan yang berdasarkan persetujuan awal anda yang telah anda berikan sebelum penarikan semula tersebut.

Terdapat kemungkinan dalam situasi tertentu di mana kami memproses data peribadi anda untuk tujuan kepentingan sah kami atau atas alasan-alasan sah yang lain (cth., atas sebab kami telah menubuhkan hubungan dengan anda dan perlu memproses data peribadi anda bagi membekalkan anda dengan maklumat dan/atau perkhidmatan yang telah anda minta), tanpa mendapatkan persetujuan anda – ini terpakai apabila aktiviti pemprosesan kami ditadbir di bawah undang-undang yang terpakai di kawasan-kawasan operasi kami yang tidak memerlukan kami untuk mendapatkan persetujuan anda atas sebab terdapat kepentingan sah dan/atau alasan-alasan sah lain untuk memproses data peribadi tersebut.

Kami tidak akan memperoleh persetujuan anda dalam kes-kes tersebut supaya kami boleh membekalkan anda dengan perkhidmatan secara cekap (atau dalam kes-kes di mana adalah tidak boleh bagi kami mendapatkan persetujuan anda kerana kami **wajib** memproses data peribadi anda, sebagai contoh, bagi tujuan mengesan penipuan). Sebelum memproses data peribadi anda, kami akan mempertimbangkan hak dan kebebasan anda dan hanya akan memulakan pemprosesan sekiranya kami tidak berpendapat hak anda akan dilanggari.

### **Penyimpanan maklumat anda**

Kesemua maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami disimpan di pelayar kami yang selamat. Kami akan mengekalkan perlindungan administratif, teknikal dan fizikal yang bersesuaian untuk melindungi data daripada kehilangan, penyalahgunaan atau akses tanpa kebenaran, pendedahan, pengubahan atau pemusnahan data peribadi yang anda berikan kepada kami selaras dengan undang-undang yang terpakai.

Sekiranya kami telah memberikan anda (atau di mana anda telah memilih) kata laluan yang membolehkan anda mengakses bahagian-bahagian tertentu laman kami, anda bertanggungjawab untuk

merahsiakan kata laluan ini. Kami meminta anda untuk tidak berkongsi kata laluan tersebut dengan sesiapa jua.

### **Tempoh di mana kami menyimpan data peribadi**

Kami hanya menyimpan data peribadi anda setakat tempoh kami memerlukannya bagi memenuhi tujuan di mana ia telah dikumpulkan atau diberikan kepada kami (kecuali di mana terdapat kewajipan undang-undang yang memerlukan kami untuk menyimpannya untuk tempoh lebih lama).

### **Pemindahan maklumat anda**

Kami menghadkan akses kepada data peribadi yang kami kumpulkan mengenai anda kepada kakitangan dan ejen pihak ketiga (di mana persetujuan anda sudah diperolehi), yang kami percaya dengan munasabah memerlukan akses kepada maklumat anda untuk membekalkan anda dengan maklumat atau perkhidmatan yang anda minta daripada kami. Pihak-pihak ketiga tersebut mungkin termasuk:

- ahli-ahli kumpulan syarikat MMS;
- sub-kontraktor, rakan perniagaan, pembekal, atau organisasi pihak ketiga lain telah kami luluskan untuk membekalkan perkhidmatan pentadbiran, IT atau perkhidmatan lain kepada MMS atau mana-mana ahli kumpulan syarikat MMS;
- pembekal-pembekal analisis dan enjin carian yang membantu kami dalam penambahbaikan dan mengoptimumkan laman web kami;
- pengiklan dan rangkaian pengiklanan yang memerlukan data untuk memilih dan menyediakan iklan yang berkaitan kepada anda dan orang lain; atau
- pihak-pihak ketiga yang berkenaan dengan pemindahan kesemua atau mana-mana bahagian perniagaan atau aset kami.

Kami juga akan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga sekiranya kami mempunyai kewajipan untuk mendedahkan atau berkongsi data peribadi anda bagi mematuhi apa-apa obligasi undang-undang, atau untuk melindungi hak, harta, atau keselamatan kumpulan syarikat MMS, pelanggan kami, atau mana-mana pihak lain.

Sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda melalui Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial ini, maklumat yang anda berikan kepada kami boleh dipindahkan ke negara-negara di luar Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA"), jika situasi memerlukannya. Undang-undang perlindungan data di negara-negara tersebut mungkin tidak memberikan tahap perlindungan yang sama ke atas data peribadi anda seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang perlindungan data di Eropah. Walau bagaimanapun, apabila kami memindahkan maklumat anda ke luar EEA dengan cara ini, kami mengambil langkah-langkah untuk memastikan tindakan keselamatan yang sewajarnya diambil dengan tujuan memastikan hak-hak privasi anda terus dilindungi seperti yang digariskan di dalam Pernyataan Privasi ini. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai tindakan keselamatan tersebut dengan menghubungi kami melalui butiran hubungan yang dinyatakan di bawah.

Sekiranya kami memindahkan data peribadi anda, kami akan sentiasa melaksanakannya di bawah syarat-syarat yang ketat berkenaan kerahsiaan dan pada tahap perlindungan keselamatan yang serupa.

### **HAK ANDA DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESATUAN EROPAH, SEKIRANYA TERPAKAI**

*General Data Protection Regulation (Regulation EU 2016/679)* ("GDPR") mula digunapakai di Kesatuan Eropah ("EU") pada 27 April 2016 dan telah berkuatkuasa secara penuh pada 25 Mei 2018.

Dari semasa ke semasa, kami mungkin akan menerima atau mengumpul daripada Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami beberapa jenis data peribadi seperti yang dinyatakan dalam Pernyataan Privasi ini daripada individu yang berada di dalam EU atau EEA semasa mengakses Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial kami. Sekiranya dan setakat mana GDPR terpakai ke atas

memproses data peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Pernyataan Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa anda mungkin mempunyai hak-hak seperti berikut:

- Akses. Anda boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk membuat permintaan akses kepada data peribadi yang kami simpan mengenai anda. Kami akan mengesahkan sekiranya kami memproses data peribadi anda, membekalkan butiran kategori data peribadi yang berkenaan dan sebab pemprosesan kami tersebut. Kami juga akan menyediakan sesalinan data peribadi anda atas permintaan anda.
- Pembetulan. Jika maklumat yang kami simpan kelihatan tidak tepat kami tidak akan menggunakannya, dan tidak membenarkan orang lain untuk menggunakannya sehingga maklumat tersebut telah disahkan. Anda boleh meminta kami untuk membetulkan atau melengkapkan data peribadi anda dengan menghubungi kami pada bila-bila masa. Setakat mana yang boleh dan wajar, kami akan memaklumkan kepada mana-mana pihak yang telah menerima data peribadi anda mengenai apa-apa pembetulan yang telah kami buat kepada maklumat tersebut.
- Sekatan. Dalam keadaan tertentu, anda boleh meminta kami akan mengehadkan cara kami memproses data peribadi anda (cth., meminta kami untuk terus menyimpan data peribadi anda, tetapi tidak sebaliknya memproses tanpa kebenaran anda).
- Pemadaman. Anda boleh meminta untuk maklumat pada akaun anda dipadam atau dibuang. Kami akan cuba untuk berbuat demikian dengan segera, dan, setakat yang boleh dan wajar, kami akan memaklumkan kepada mana-mana pihak yang telah menerima maklumat peribadi anda mengenai permintaan anda. Walau bagaimanapun, kami perlu menyimpan maklumat transaksi tertentu, seperti maklumat pembelian masa lalu dan maklumat yang serupa dengannya, untuk tujuan pematuhan undang-undang, oleh sedemikian kami mungkin tidak dapat memadamkan maklumat anda secara sepenuhnya dalam keadaan tertentu.
- Penerimaan/pemindahan data peribadi anda. Anda juga boleh meminta kami untuk menghantarkan data peribadi mengenai anda yang kami simpan dalam format elektronik, berstruktur dan mesra pengguna kepada anda, atau anda boleh meminta kami untuk menghantar data ini kepada entiti lain. Sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda memilih untuk meminta kami untuk menghantar data peribadi anda kepada anda atau pihak lain, ini boleh memberi kesan keatas keupayaan kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang anda minta.
- Bantahan. Di mana kami memproses data peribadi anda tanpa memperoleh kebenaran anda bagi tujuan memenuhi keperluan sah kami, anda boleh membantah pemprosesan ke atas data peribadi anda tersebut. Khususnya, di mana kami menggunakan data peribadi anda untuk menghubungi anda bagi tujuan pemasaran, anda boleh membantah pemprosesan tersebut pada bila-bila masa.
- Membuat keputusan secara automatik. Anda mempunyai hak untuk diberitahu tentang apa-apa keputusan yang dibuat secara automatik, termasuk pemprofilan, yang digunakan berkaitan dengan data peribadi anda, dan kami akan menyediakan maklumat mengenai logik yang kami gunakan, serta kepentingan dan keputusan pemprosesan tersebut.
- Aduan. Sekiranya anda berada dalam EEA dan anda percaya bahawa pemprosesan kami ke atas data peribadi anda adalah melanggar undang-undang perlindungan data, anda mempunyai hak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data yang berkenaan di negara di mana anda berada atau mana-mana tempat di dalam EEA di mana anda percaya pelanggaran tersebut telah berlaku. Senarai pihak berkuasa perlindungan data negara EU boleh didapati di [sini](#).

Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai pemprosesan kami terhadap data peribadi anda.

## **KESELAMATAN**

Kami mengehadkan akses kepada data peribadi yang kami kumpulkan mengenai anda kepada kakitangan dan ejen pihak ketiga, yang kami percaya dengan munasabah memerlukan akses kepada maklumat anda untuk membekalkan anda dengan maklumat atau perkhidmatan yang anda minta

daripada kami. Kami menyediakan langkah-langkah keselamatan yang munasabah demi melindungi maklumat dalam kawalan kami dari sebarang kehilangan, penyalahgunaan dan pemindaan. Walaupun kami tidak menjaminkan bahawa kehilangan, penyalahgunaan dan pemindaan tidak akan berlaku, kami memastikan bahawa sistem-sistem kami mematuhi tahap keselamatan mengikut tahap keselamatan pasaran supaya dapat melindungi daripada kejadian-kejadian tersebut.

## **PEMBETULAN MAKLUMAT ATAU PILIHAN ANDA**

Matlamat kami adalah untuk menyimpan rekod-rekod yang terkini dan setepat mungkin. Anda boleh menyemak, mengubah atau memadamkan maklumat yang dibekalkan kepada kami melalui Laman Web, Aplikasi dan/atau Laman Media Sosial ini dengan menghubungi kami melalui butiran hubungan yang dinyatakan di bawah. Bergantung kepada lokasi anda dan sifat aktiviti pemprosesan data peribadi yang dijalankan oleh kami, undang-undang bidang kuasa seperti EU mungkin terpakai ke atas pemprosesan data peribadi anda oleh kami. Bergantung kepada undang-undang tempatan yang berkaitan, anda mungkin mempunyai hak untuk meminta kami untuk tidak memproses data peribadi anda bagi tujuan pemasaran. Mengikut tahap yang diperlukan oleh undang-undang tersebut, kami mungkin akan memaklumkan kepada anda (sebelum mengumpul data anda) sekiranya kami ingi menggunakan data anda untuk tujuan tersebut atau sekiranya kami ingin mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana pihak ketiga untuk tujuan tersebut.

Anda boleh menggunakan hak anda untuk mengelakkan pemprosesan itu dengan meletakkan tanda pada kotak tertentu dalam borang yang kami gunakan untuk mengumpul data anda, atau dengan menghubungi kami melalui butiran hubungan yang dinyatakan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda meminta kami untuk memadamkan data anda, ini boleh memberi kesan ke atas keupayaan kami untuk menyediakan perkhidmatan yang anda minta. Selain itu, kami boleh menyimpan maklumat tertentu untuk tujuan pematuhan undang-undang, jadi kami mungkin tidak dapat memadam sepenuhnya dalam keadaan-keadaan tertentu.

## **COOKIES DAN TEKNOLOGI-TEKNOLOGI SERUMPAMANYA**

MMS dan kumpulan syarikatnya, syarikat gabungan kami dan pembekal-pembekal pihak ketiga kami menetapkan dan menggunakan *cookies* dan teknologi-teknologi yang serupa untuk membezakan anda daripada pengguna lain Laman Web kami, untuk memberikan pengalaman yang lebih baik apabila anda melayari Laman Web kami, dan untuk meningkatkan prestasi dan kegunaan Laman Web ini. Penggunaan *cookies* dan teknologi yang sama adalah selaras di seluruh laman web dan aplikasi di mana maklumat dikumpul tentang aktiviti atas talian anda.

*Cookie* ialah satu fail data kecil yang diletakkan oleh laman web pada cakera keras anda apabila anda melawatinya. Fail *cookie* boleh mengandungi maklumat seperti ID pengguna yang menjejaki halaman yang anda telah lawati dalam laman itu. *Cookies* di laman web ini digunakan terutamanya untuk mengenalpasti sekiranya pengguna telah melawat laman web sebelum ini dan untuk mengesan pola trafik pengguna. Kami tidak akan mengaitkan maklumat ini dengan data mengenai pengguna individu, dan kami tidak akan berkongsi maklumat ini atau menjual kepada mana-mana pihak ketiga.

### **Pengurusan Cookies**

Jika anda ingin memilih untuk tidak menerima *cookies* melalui Laman Web kami, anda boleh menetapkan supaya pelayar anda memberi amaran kepada anda sebelum ia menerima *cookies* dan menolak *cookie* apabila pelayar anda memberitahu anda mengenai kewujudannya. Anda juga boleh menolak semua *cookies* dengan mematikan fungsinya di dalam pelayar anda. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai *cookies*, termasuk cara untuk menetapkan pelayar anda untuk menolak *cookies*, sila lawat [www.allaboutcookies.org](http://www.allaboutcookies.org).

### **Tempoh Tamat Cookie**

*Cookies* akan kekal dalam komputer anda selepas pelayar ditutup. Sehingga dikeluarkan, *cookies* akan kembali aktif apabila laman web itu dibuka semula. *Cookies* boleh dihapuskan oleh anda, pada bila-bila masa, dan tidak akan mengumpul apa-apa maklumat sepanjang tempoh anda tidak mengakses laman web ini.

## **PAUTAN KE LAMAN WEB PIHAK KETIGA**

Laman web kami boleh, dari semasa ke semasa, mengandungi pautan ke dan dari laman web dan saluran media sosial rangkaian-rangkaian rakan kongsi kami, pengiklan dan syarikat gabungan kami. Jika anda mengikuti pautan ke mana-mana laman web dalam atau saluran, sila ambil perhatian bahawa laman web atau saluran tersebut mempunyai polisi-polisi privasi mereka tersendiri dan kami tidak akan menerima apa-apa tanggungjawab atau liabiliti ke atas polisi-polisi ini. Sila periksa polisi-polisi ini sebelum anda mengemukakan apa-apa data peribadi ke laman web atau saluran tersebut.

## **KOMUNIKASI MEDIA SOSIAL**

Jika anda memilih untuk berinteraksi dengan Laman Media Sosial kami, data peribadi anda (seperti nama anda dan hakikat bahawa anda berminat dengan MMS) juga akan dapat dilihat oleh semua pelawat laman web peribadi anda di LinkedIn, Facebook dan/atau Twitter, mengikut tetapan privasi anda pada perkhidmatan media sosial. Kami tidak bertanggungjawab untuk pemprosesan data peribadi sedemikian atau dasar privasi laman web media sosial sedemikian.

Apabila anda berkomunikasi dengan kami melalui media sosial (contohnya, apabila anda menyiarkan komen, memuat naik media, menghantar mesej peribadi atau menjadi peminat kami dengan mengklik butang "Suka", kami mungkin menerima data peribadi tentang anda (seperti nama (pengguna), foto profil, tempat tinggal, alamat e-mel dan jantina anda). Kami akan menggunakan data yang diterima dari Laman Media Sosial berdasarkan Pernyataan Privasi ini.

## **PERUBAHAN KEPADA PERNYATAAN PRIVASI KAMI**

Sebarang perubahan kepada Pernyataan Privasi kami pada masa akan datang akan disiarkan di halaman ini dan, di mana sesuai, dimaklumkan kepada anda melalui e-mel. Sila semak kembali dengan kerap untuk melihat apa-apa kemas kini atau perubahan kepada Pernyataan Privasi kami.

## **BAHASA**

Selaras dengan keperluan undang-undang perlindungan data dan privasi di Malaysia, Pernyataan Privasi ini disebar dalam versi Bahasa Inggeris serta versi Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman dan kecanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

## **BAGAIMANA ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI**

Sebarang pertanyaan, komen dan permintaan berkenaan dengan Pernyataan Privasi ini adalah dialu-alukan dan boleh dialamatkan kepada:

Jabatan Perkhidmatan Undang -undang  
MISC Maritime Services Sdn Bhd  
Level 27, Menara Dayabumi  
Jalan Sultan Hishamuddin  
50050 Kuala Lumpur.  
Alamat E-mel : [mmscompliance@mmssb.com.my](mailto:mmscompliance@mmssb.com.my)